

25 MAR 2001

Mahathir-Penggiliran

TIADA BANTAHAN TERHADAP FORMULA BARU PENGGILIRAN, KATA DR M

KOTA KINABALU, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perubahan kecil yang dibuat pada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri baru-baru ini tidak mendapat bantahan daripada penduduk Sabah.

Beliau berkata maklumbalas yang beliau terima apabila bertemu dengan penduduk tempatan dan anggota-anggota Umno Sabah menunjukkan mereka menerima perubahan itu.

"Mereka nampak sangat gembira...mereka tidak bangkitkan apa-apa masalah. Saya rasa mereka telah menerimanya," kata beliau kepada pemberita di akhir lawatan dua hari ke Sabah, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya oleh pemberita akan sambutan orang ramai terhadap perubahan kecil yang dibuat dalam penggiliran jawatan Ketua Menteri antara masyarakat Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Cina bagi setiap penggal dua tahun.

Perubahan yang dimaklumkan selepas Perdana Menteri mengumumkan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri akan datang pada 16 Mac lepas membenarkan pemimpin Bumiputera Islam dari Umno memegang jawatan itu dua kali sementara yang lain hanya sekali sebelum kitaran penggiliran itu berakhir.

Formula baru itu dikenali di sini sebagai "Formula 2-1-1".

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu diperkenalkan pada 1994 dengan setiap satu daripada pemimpin tiga masyarakat utama itu bergilir-gilir memegang jawatan Ketua Menteri dengan penyandang jawatan itu kini ialah Datuk Osu Sukam daripada Umno.

Perdana Menteri menjelaskan di bawah perubahan itu pemimpin Umno sekali lagi akan dilantik ke jawatan itu selepas tempoh jawatan Chong tamat.

"Selepas Datuk Chong Kah Kiat, jawatan itu akan pergi balik ke Umno dan selepas itu kepada Bumiputera bukan Islam," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata sama ada sistem penggiliran akan diteruskan ia bergantung kepada maklum balas daripada rakyat.

Ditanya jika penggiliran itu akan ditampilkan dalam manifesto pilihan raya negeri akan datang, Dr Mahathir berkata perkara itu hanya boleh dipertimbangkan apabila tiba masanya.

Mengenai sebab mengapa pemimpin masyarakat Kadazandusun-Murut tidak dilantik sebagai Ketua Menteri menggantikan Osu, beliau berkata ini kerana Ketua Menteri daripada masyarakat itu sebelum ini telah tewas dalam pilihan raya 1999.

"Adalah jelas yang jika Tan Sri Bernard Dompok memenangi pilihan raya itu, beliau pasti dilantik sebagai Ketua Menteri akan datang," kata Dr Mahathir.

Mengenai sama ada jawatan tiga Timbalan Ketua Menteri akan dikekalkan dalam Kabinet Negeri baru, Dr Mahathir berkata tiga jawatan itu akan dikekalkan walaupun sistem penggiliran itu telah diubahsuai.

Sementara itu mengenai Keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu semalam untuk membatalkan permohonan bagi perintah injunksi terhadap sistem penggiliran itu, Perdana Menteri berkata keputusan itu adalah tepat sekali.

"Ia tindakan tidak serius...tidak ada asas, sengaja nak menimbulkan masalah," kata Dr Mahathir.

Pada Khamis lepas, tiga ahli perniagaan memfailkan permohonan bagi injunksi untuk menghalang Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai daripada melantik Datuk Chong Kah Kiat dan mengadakan istiadat mengangkat sumpah

jawatan tetapi permohonan itu dibatalkan semalam.

Mahkamah mengetepikan permohonan itu atas alasan tiada locus standi untuk memohon perintah injunksi terhadap Kerajaan Negeri.

-- BERNAMA

HAK PR